

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA DI MELAKA**  
**DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA**  
**TUNTUTAN NO. TPPM-M-(P)-135-2024**

TARIKH : 30 JULY 2024 (SELASA)  
PRESIDEN : TUAN TABIAN BIN TAHIR  
PENOLONG SETIAUSAHA : 1. EN. NURUL HAFZI BIN HAMID  
2. EN. NOR MAZWAN BIN MAZLAN

PIHAK YANG MENUNTUT : HADIR / ~~TIDAK~~  
NAMA : LIM SIOK CHING (MIKO)  
NO. K/P :  
BUKTI SERAHAN :

PENENTANG 1 : HADIR / ~~TIDAK~~  
NAMA SYARIKAT : C&K BUILDING CONSTRUCTION  
NO. K/P / PEND. SYARIKAT : UT 0036578-M  
NAMA WAKIL 1 : TAN CHEE KEONG (ROBERT)  
NO. K/P :  
JAWATAN : PENGARAH/PEMILIK SYARIKAT  
NAMA WAKIL 2 : TAN SHU CHUAN (DARREN)  
NO. K/P :  
JAWATAN : PENGARAH

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**PENGENALAN**

1. Tuntutan PYM melibatkan suatu kes pengubahsuaian rumah yang dimiliki oleh PYM.
2. Melalui Borang 1, PYM menuntut untuk suatu jumlah RM28,000.00. Namun PYM tidak memberikan dengan jelas butir-butir tuntutan berjumlah RM28,000.00.

3. Melalui penelitian Mahkamah daripada keterangan lisan kedua-dua pihak PYM dan P semasa perbicaraan yang didengar pada 13/06/2024, Mahkamah membuat Kesimpulan bahawa butir-butir tuntutan PYM adalah seperti berikut :
  - (a) Pembayaran balik kepada lebih bayaran bagi upah perkhidmatan P berjumlah RM13,224.00;
  - (b) Kos tambahan bagi pemasangan cabinet berjumlah RM26,500.00;
  - (c) Yuran guaman PYM bagi suatu Surat Tuntutan Peguam bertarikh 05/03/2024 berjumlah RM1,000.00; dan
  - (d) Upah PYM membuat papan tanda kepada anak Tan Chee Keong (Aiden Tan) / Brilliant Auto Detailing berjumlah RM1,500.00.
4. Jika dikira keseluruhan tuntutan di perenggan 3 (a) – (d) tersebut di atas, jumlah tuntutan PYM ke atas P kesemuanya berjumlah RM42,224.00 dan bukannya RM28,000.00 seperti yang terkandung dalam Borang 1 di sini.
5. Walaupun terdapat perbezaan tuntutan seperti di atas, Mahkamah di sini akan memutuskan setiap dan tiap-tiap jenis tuntutan berdasarkan merit masing-masing di mana Mahkamah berpendapat bahawa lebih jumlah tuntutan adalah tidak mengejutkan kepada P kerana P memang sedar dan tahu tentang kesemua tuntutan tersebut (“no element of surprise arose in this case”).

### **FAKTA MATERIAL KES**

6. PYM memasuki suatu Perjanjian Jual Beli bagi membeli sebuah rumah di Alamat 111-L, Jalan Tang Yee Biew, 73500 Melaka (selepas ini dirujuk sebagai “**Premis tersebut**”) pada 06/12/2022.
7. Pada 12/12/2022, PYM menghubungi P untuk mendapatkan sebutharga bagi kerja-kerja pembinaan / pengubahsuaian rumah di Premis tersebut.

8. Pada 07/05/2023, P memberikan sebutharga akhir dengan nilai kontrak berjumlah RM81,279.80. Pada 08/05/2023, PYM membayar deposit berjumlah RM15,000.00 kepada P.
9. Pada 15/05/2023, PYM mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa untuk memulakan kerja-kerja pembinaan / pengubahsuaian rumah di Premis tersebut. P memulakan kerja pada hari yang sama.
10. Pada 17/05/2023, PYM mendapati bahawa P (Darren Tan) telah melakukan kesilapan dengan memecahkan jubin-jubin di Premis tersebut di mana kesilapan diakui oleh P (Darren Tan) di atas alasan kesilapan komunikasi dengan pekerja P. P bersetuju membaiki kesilapan dan kerosakan di mana ianya telah dipersetujui oleh PYM. Selepas itu, Robert Tan (ayah kepada Darren Tan dan pemilik sebenar Syarikat P) telah mengambilalih tugas pembinaan / pengubahsuaian rumah di Premis tersebut daripada anaknya, Darren Tan.
11. Dalam pada itu, terdapat beberapa kesilapan dan kelengahan di pihak P seperti didakwa oleh PYM – rujuk **Laporan Polis PYM bertarikh 14/01/2024**.
12. Setakat pada 11/09/2023, PYM telah membayar kepada P sejumlah wang RM75,000.00 (rujuk **butiran pembayaran & resit bayaran**) seperti berikut :-

NO	TARIKH BAYARAN	JUMLAH BAYARAN
1	08/05/2023	RM15,000.00
2	06/06/2023	RM 5,000.00
3	19/06/2023	RM13,000.00
4	26/06/2023	RM 6,000.00
5	03/07/2023	RM 5,000.00
6	09/07/2023	RM 8,000.00
7	21/07/2023	RM10,000.00
8	23/08/2023	RM10,000.00
9	11/09/2023	RM 3,000.00
	<b>JUMLAH BAYARAN</b>	<b>RM75,000.00</b>

13. Dalam keterangan, P mengakui telah menerima kesemua pembayaran berjumlah RM75,000.00 tersebut di atas.

#### **KES PYM DI HADAPAN TRIBUNAL**

14. Seperti yang dinyatakan di perenggan 11 tersebut di atas, PYM tidak berpuashati dengan kerja-kerja dan kelengahan kerja-kerja yang dibuat oleh P.
15. PYM juga tidak berpuashati dengan tindak tanduk dan kelakuan P di mana P didapati telah gagal membuat atau menyiapkan beberapa kerja yang sepatutnya dibuat seperti yang terkandung di dalam sebutharga yang dikeluarkan oleh P sendiri kepada PYM.
16. Oleh itu PYM telah membuat tuntutan pembayaran balik kepada lebih bayaran bagi upah perkhidmatan P berjumlah RM13,224.00 setelah ditolak harga kesemua pembayaran berjumlah RM75,000.00 tersebut di atas – rujuk **whatsapp dari Darren Tan bertarikh 08/01/2024 bersetuju memulangkan wang sejumlah RM13,224.00 kepada PYM.**
17. PYM juga menuntut daripada P kos tambahan bagi pemasangan cabinet berjumlah RM26,500.00 yang mana ianya sepatutnya dibuat oleh P, namun begitu P telah gagal, enggan atau cuai untuk membuatnya menyebabkan PYM terpaksa mengupah kontraktor lain untuk membuat/memasang cabinet tersebut dengan harga RM26,500.00 – rujuk **Resit bayaran kabinet baru oleh CWS & TW Home Design bertarikh 02/01/2024 dan bukti bayaran serta bukti pembuatan perabot baru.**
18. Selain itu, PYM menuntut daripada P yuran guaman yang telah dibayar oleh PYM bagi suatu Surat Tuntutan Peguam bertarikh 05/03/2024 berjumlah RM1,000.00 – rujuk **Surat peguam, bukti pembayaran yuran guaman & resit pembayaran dari T/n Tan Fong & Co.**

19. Akhir sekali PYM telah menuntut daripada P di sini upah bagi kerja-kerja PYM membuat papan tanda kepada anak Tan Chee Keong (Aiden Tan) / Brilliant Auto Detailing berjumlah RM1,500.00 sahaja.

### **PEMBELAAN P DI SINI**

20. Pembelaan yang dikemukakan oleh P melalui Borang 2 adalah ringkas sahaja di mana P menyatakan bahawa tuntutan PYM ke atas P adalah tidak tepat kerana P hanya mengenakan bayaran ke atas kerja-kerja yang dibuat oleh P sahaja yang mana harga akhir berjumlah RM73,126.30 – rujuk **Quotation & Claim For Actual Work**.
21. Memandangkan PYM telah membayar wang sejumlah RM75,000.00 yang telah diakui terima oleh P, maka setelah menolak kerja sebenar yang P nilaikan sebanyak RM73,126.30, maka P hanya perlu memulangkan wang sejumlah RM1,873.70 sahaja kepada PYM bersandarkan kepada tuntutan lebihan bayaran yang dituntut oleh PYM di sini.
22. Bagi caj pembuatan perabot yang tidak dibuat oleh P walaupun terkandung dalam Sebutharga asal yang dikeluarkan oleh P sendiri, P menyatakan bahawa dalam **Claim For Actual Work**, P tidak mengenakan apa-apa caj ke atas PYM.
23. P mengakui beberapa kerja tidak dibuat seperti di **(a) item 4.0 sliding window 6' x 4' (RM690.00), shopfront black 58" x 117" (RM1,667.50), sliding door black 6' x 7' (RM1,265.00), B4 toilet door 3' x 7' (RM1,196.00); (b) item 8.0 furniture office (RM4,950.00), furniture printer (RM6,600.00) dan furniture kitchen (RM5,665.00)** kesemuanya berjumlah RM22,033.50 tidak dikenakan caj ke atas PYM – rujuk **Quotation & Claim For Actual Work**.
24. Namun begitu, P mengenakan caj tambahan seperti di **item 17.0 (RM4,500.00), item 18.0 (RM2,000.00), item 19.0 (RM200.00) dan item 20.0 (RM650.00)** kesemuanya berjumlah RM7,350.00 PYM – rujuk **Quotation & Claim For Actual Work**.

25. P juga membangkitkan pembelaan ke atas tuntutan PYM bagi tuntutan upah bagi kerja-kerja PYM membuat papan tanda kepada anak Tan Chee Keong (Aiden Tan) / Brilliant Auto Detailing berjumlah RM1,500.00 sahaja di atas alasan bahawa PYM gagal atau enggan menyempurnakan penghantaran “banner” yang ditempah oleh P.
26. Tiada pembelaan dan tiada keterangan dikemukakan dalam Borang 2 Pernyataan Pembelaan dan dalam perbicaraan oleh P berkenaan dengan tuntutan PYM bagi bayaran yuran guaman berjumlah RM1,500.00.

### **DAPATAN MAHKAMAH**

27. Mahkamah dalam kes ini telah mendengar kedua-dua pihak dalam perbicaraan pada 13/06/2024 dan telah meneliti kesemua keterangan lisan dan dokumentar dan telah menyoal kedua-dua pihak berkenaan dengan sebutharga yang dikeluarkan oleh P, kerja-kerja yang dikatakan dibuat dan tidak dibuat oleh P, bukti-bukti bergambar yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, perbandingan dan pengiraan harga / kerja yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, resit-resit pembayaran dan juga surat peguam.
28. Di atas imbangan kebarangkalian, Mahkamah membuat dapatan di sini seperti berikut :-
  - (a) **Tuntutan pembayaran balik kepada lebih bayaran bagi upah perkhidmatan P berjumlah RM13,224.00**
29. Mahkamah bersetuju dengan pihak PYM berkenaan dengan tuntutan pembayaran balik kepada lebih bayaran bagi upah perkhidmatan P berjumlah RM13,224.00 berdasarkan kepada pengakuan atau bukti whatsapp oleh P (rujuk **whatsapp Darren Tan bertariikh 08/01/2024**) yang mengakui terdapat lebih bayaran dan berjanji untuk membayar balik kepada PYM wang sejumlah RM13,224.00 ini.
30. Daripada perbandingan dan pengiraan harga / kerja yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, Mahkamah lebih mempercayai keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh PYM walaupun terdapat perbezaan pengiraan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak.

31. Mahkamah menerima keterangan dan pengakuan P sendiri tentang kerja-kerja yang tidak dibuat menurut sebutharga. Namun begitu, Mahkamah tidak dapat menerima penjelasan dan tuntutan P ke atas beberapa item dalam **Quotation & Claim For Actual Work** seperti berikut :-

**Quotation & Claim For Actual Work**

Item	Description of Work	Price Quoted	Actual Work	Court's Findings
13.0	Hack and install new door at Room 2	RM800.00	RM600.00	<p>Dalam Quotation asal, P hanya meletak harga RM600.00 sahaja.</p> <p>Tetapi di dalam dokumen "Quotation &amp; Claim For Actual Work", P telah meletakkan harga quotation sebagai RM800.00.</p> <p>Mahkamah berpendapat dengan mengamati "demeanour" P semasa memberi keterangan bahawa P cuba mengelirukan Mahkamah kononnya P telah memberi pengurangan harga sedangkan harga RM600.00 adalah harga asal dan sebenar dalam sebutharga.</p>

				<p>P cuba memberikan penjelasan bahawa harga sebenar adalah RM800.00 kerana jenag (“frame”) asala adalah kayu yang kemudiannya perlu ditukar kepada besi.</p> <p>Mahkamah tidak dapat menerima penjelasan P yang Mahkamah dapati cuba mengelirukan Mahkamah.</p>
17.0	Cement render at Living Hall, Office area, Bedroom 1 & 2	RM4,500.00	RM4,500.00	<p>PYM tidak bersetuju dan membantah ke atas caj tambahan ini kerana PYM telah mengemukakan bukti kerja P yang tidak kemas dan sempurna serta mozek pecah akibat daripada kerja P.</p> <p>Mahkamah menerima keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh PYM sebagai lebih dipercayai.</p>
18.0	Turtle Pool Excavation, Brickwall, Waterproof, Concrete Slab, Plastering, Skim Coating	RM2,000.00	RM2,000.00	<p>PYM tidak bersetuju dan membantah ke atas caj tambahan ini kerana pada awalnya, P berjanji membuat kerja ini secara percuma / gratis. Namun begitu, P mengatakan bahawa rekaan</p>



				<p>oleh PYM menyebabkan kolam perlu dibuat waterproofing yang mana oleh itu, P telah mengenakan caj ke atas PYM di sini.</p> <p>Mahkamah telah menyoal P dan P mengakui bahawa memang dari awal lagi P sepatutnya tahu tentang kerja waterproofing ini. Oleh itu, Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan keterangan P di sini dan lebih mempercayai keterangan PYM.</p>
20.0	<p>Transportation + Labour Supply</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- supply lorry to transfer stuff</li> <li>- supply 2 workers</li> </ul>	RM650.00	RM650.00	<p>P dalam keterangan lisan mengakui bahawa pada asalnya, kerja ini dibuat secara percuma / gratis. Akan tetapi akibat daripada P marah kepada PYM, P mengenakan caj ini ke atas PYM.</p> <p>PYM pula memberikan keterangan bahawa pemilik lori dan pekerja ini merupakan abang kepada Robert Tan / P dan beliau</p>

				<p>telah pun membayar terus caj di sini.</p> <p>Mahkamah sekali lagi lebih mempercayai keterangan PYM dan menolak keterangan dan tuntutan P di sini.</p>
--	--	--	--	--

32. Seperti yang Mahkamah putuskan di atas, Mahkamah membenarkan tuntutan pembayaran balik kepada lebihan bayaran bagi upah perkhidmatan P berjumlah **RM13,224.00**.

**(b) Tuntutan kos tambahan bagi pemasangan cabinet berjumlah RM26,500.00**

33. PYM menuntut keseluruhan jumlah pemasangan cabinet yang dibayar kepada kontraktor baru dan lain bagi menyiapkan dan/atau memasang cabinet yang telah gagal dibuat oleh P.

34. Kedua-dua pihak mengakui bahawa P tidak mengenakan caj pemasangan cabinet ini berjumlah RM15,205.00.

35. Namun begitu, sekiranya P telah memasang cabinet tersebut seperti dijanjikan, PYM hanya perlu membayar kos berjumlah RM15,205.00 sahaja.

36. Disebabkan P gagal memasang cabinet tersebut seperti dijanjikan, PYM terpaksa membayar kos tambahan berjumlah RM26,500.00 kepada kontraktor baru bagi menyiapkan kerja P yang gagal disiapkan tersebut.

37. Oleh itu, PYM menuntut keseluruhan jumlah RM26,500.00 daripada P.

38. Mahkamah berpendapat adalah tidak adil bagi P untuk membayar keseluruhan jumlah RM26,500.00.

39. Adalah lebih adil sekiranya Mahkamah hanya membenarkan perbezaan bayaran di antara harga asal dalam sebutharga P dengan harga yang dibayar oleh PYM kepada kontraktor baru iaitu sejumlah RM11,295.00 sahaja (RM26,500.00 – RM15,205.00 = RM11,295.00).
40. Sekiranya P menjalankan tanggungjawab seperti dijanjikan, PYM tidak perlu menanggung lebihan bayaran kepada kontraktor baru tersebut.
41. Oleh itu, Mahkamah membenarkan wang sejumlah **RM11,295.00** sahaja di bawah tuntutan di sini.
- (c) **Tuntutan yuran guaman PYM bagi suatu Surat Tuntutan Peguam bertarikh 05/03/2024 berjumlah RM1,000.00**
42. Seperti yang Mahkamah nyatakan di perenggan 26 tersebut di atas, tiada pembelaan dan tiada keterangan dikemukakan dalam Borang 2 Pernyataan Pembelaan dan dalam perbicaraan oleh P berkenaan dengan tuntutan PYM bagi bayaran yuran guaman berjumlah RM1,500.00.
43. PYM pula telah mengemukakan bukti yuran guaman telah dikenakan dan dibayar kepada peguam PYM.
44. Oleh itu, di atas imbangan kebarangkalian, Mahkamah membenarkan tuntutan berjumlah **RM1,500.00** di sini.
- (d) **Tuntutan upah PYM membuat papan tanda kepada anak Tan Chee Keong (Aiden Tan) / Brilliant Auto Detailing berjumlah RM1,500.00**
45. Tuntutan upah PYM membuat papan tanda kepada anak Tan Chee Keong (Aiden Tan) / Brilliant Auto Detailing berjumlah RM1,500.00 ini adalah di luar bidang kuasa Tribunal.
46. Ini kerana dalam tuntutan ini, PYM yang memberikan perkhidmatan kepada P / anak Tan Chee Keong (Aiden Tan) / Brilliant Auto Detailing.

47. PYM bukanlah pengguna yang berhak mendapat perlindungan daripada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.
48. Oleh itu, Mahkamah menolak tuntutan PYM berjumlah RM1,500.00 di sini tanpa perlu mengambilkira pembelaan yang dikemukakan oleh P.


**AWARD TRIBUNAL**

49. Setelah mendengar kedua-dua pihak dan meneliti kesemua dokumen dan bukti yang dikemukakan, di atas imbangan kebarangkalian Mahkamah dalam kes ini berpuas hati dan membenarkan sebahagian sahaja tuntutan PYM yang telah berjaya dibuktikan seperti berikut :-

<b>TUNTUTAN YANG DIBENARKAN</b>	<b>AWARD</b>
Pembayaran balik kepada lebih bayaran upah perkhidmatan P	RM13,224.00
Kos tambahan bagi pemasangan cabinet	RM11,295.00
Yuran guaman PYM bagi suatu Surat Tuntutan Peguam	RM 1,000.00
<b>JUMLAH AWARD YANG DIBENARKAN</b>	<b>RM25,519.00</b>

50. Mahkamah dengan ini membuat suatu Award Borang 10 di mana P perlu membayar kepada PYM wang sejumlah **RM25,519.00** sahaja dalam tempoh tujuh (7) hari dari Award ini.

Bertarikh pada 30 July 2024.

  
 .....  
**TABIAN BIN TAHIR**  
 Tuan Presiden  
 Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia  
 Melaka